

# ‘Muhyiddin calon sesuai sebagai TPM’

**SHAH ALAM** - Proses peralihan kuasa Perdana Menteri antara Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat memasuki fasa baharu apabila ia dijangka berlaku selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2020 berakhir.

Umum mengetahui, Perdana Menteri mempunyai kuasa mutlak menentukan siapa Timbalan Perdana Menteri, namun bagi kerajaan Pakatan Harapan (PH) ia sedikit berbeza kerana sebarang keputusan besar bakal ditentukan menerusi konsesus parti pakatan berkenaan.

Bagi pengalisis politik daripada Universiti Putra Malaysia, **Profesor Madya Dr Anuar Shah Bali Mohamed**, individu yang bakal dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri perlu dibincangkan pada Mesyuarat Majlis Presiden PH.

“Kalau kita lihat Timbalan Perdana Menteri sekarang ialah Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan beliau merupakan isteri kepada Anwar. Beliau juga ialah Ahli Parlimen PKR.

“Saya jangkakan lantikan Timbalan Perdana Menteri berlangsung serentak sekiranya Anwar mengambil alih jawatan Perdana Menteri. Sebab itu, saya kata perkara tersebut penting untuk dibin-

cangkan dan ditentukan sekarang,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Katanya, Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin mungkin dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri berdasarkan jumlah kerusi dan kedudukan dalam parti.

“Mengapa saya tidak kata pemimpin daripada DAP walaupun mereka ada lebih kerusi berbanding Bersatu? Ia kerana untuk mengelakkan polemik dan rasa tidak puas hati rakyat khususnya orang Melayu,” katanya.

Menurutnya, cadangan supaya Anwar terlibat secara langsung dalam pentadbiran bermula sekarang agar proses peralihan kuasa berjalan lancar adalah cadangan yang baik, namun keberadaan Wan Azizah dalam Kabinet tidak memberarkan perkara tersebut berlaku.

Sementara itu pengalisis politik daripada Universiti Utara Malaysia, **Md Shukri Shuib** berpendapat, PH bakal mengalami dilema berhubung pelantikan jawatan itu kerana mungkin sukar untuk mencari individu yang layak.

“Ramai yang menyatakan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ialah individu yang layak tetapi disebabkan konsep konsesus yang dipraktikkan, tidak mungkin dua individu dalam satu parti menjawat dua jawatan tinggi dalam pentadbiran.

“Jika Muhyiddin dilantik, saya melihat pengalaman beliau dalam Kabinet lebih luas berbanding Anwar.

“Jika melantik pemimpin daripada DAP, saya jangka penolakan rakyat terutama orang Melayu sangat tinggi.

“Jika mahu lantik Timbalan Presiden Bersatu, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, pasti janggal kerana melangkaui Presidennya. Namun, jika Muhyiddin bersetuju, saya fikir ia tidak menjadi masalah tetapi sedikit pelik,” katanya.

MD SHUKRI

